



Praktis Ekstra Tema 1

PBD Kemahiran Membaca SP 2.1.1

Baca pengumuman yang diberikan dengan sebutan dan intonasi yang betul.

PENGUMUMAN

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Paya Kongs, Balik Pulau dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Halaman Rumah Warga Kampung Paya Kongs. Objektif pertandingan ini adalah untuk memupuk budaya mementingkan kebersihan dan keceriaan kawasan kediaman dan meningkatkan kesedaran bahawa penjagaan kebersihan kawasan kampung tanggungjawab bersama. Butir-butir pertandingan tersebut adalah seperti yang berikut:

Tarikh: 6 Mei 2026

Hari: Selasa

Masa: 9:00 pagi hingga 10:00 malam

Tempat: Kampung Paya Kongs, Balik Pulau

Yuran: RM10.00

Tempoh persediaan sebelum penilaian ialah selama seminggu bermula 1 Mei 2026 hingga 6 Mei 2026. Lawatan ke rumah-rumah untuk sesi penilaian kebersihan dan keceriaan halaman rumah akan dijalankan pada 6 Mei 2026, pukul 9:30 pagi. Penyertaan dibuka kepada 220 buah rumah kediaman di kampung ini. Majlis penyampaian hadiah diadakan di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau bermula pukul 8:00 malam.

Sila berikan nama dan alamat kepada Encik Afnan bin Abdullah. Penyertaan hendaklah dibuat sebelum atau pada 1 Mei 2026. Terima kasih.

Urus Setia Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Halaman Rumah

Nama: Kelas: Tarikh:



Praktis Ekstra Tema 2

PBD Aspek Tatabahasa **SP 5.1.3**

Bina ayat daripada kata nama am, kata nama khas, dan kata nama majmuk bagi perkataan yang diberikan.

Kata Nama Am

1. susu

2. obesiti

3. murid

Kata Nama Khas

1. COVID-19

2. Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Persatuan Bulan Sabit Merah

Kata Nama Majmuk

1. darah tinggi

2. kencing manis



Praktis Ekstra Tema 3

PBD Kemahiran Menulis SP 3.4.2

Lengkapkan jadual dengan ayat tema, ayat rangsangan, dan ayat arahan untuk membentuk satu perenggan pendahuluan.

Soalan 1:

Amalan gotong-royong telah mula dilupakan oleh masyarakat pada masa ini.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil agar masyarakat dapat meneruskan amalan ini.

Ayat Tema	
Ayat Rangsangan	
Ayat Arahan	

Soalan 2:

Semangat kejiranan semakin menipis dalam kalangan masyarakat di bandar.

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

Ayat Tema	
Ayat Rangsangan	
Ayat Arahan	



Praktis Ekstra Tema 4

PBD Kemahiran Membaca SP 2.2.1

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, berikan makna perkataan yang berhuruf tebal dengan merujuk kamus.

Baju kurung terbahagi kepada dua, iaitu baju kurung lelaki dan baju kurung perempuan. Baju ini menjadi pakaian **rasmi** di Malaysia dan beberapa buah negara di Asia Tenggara. Terdapat dua jenis baju kurung, iaitu Baju Kurung Teluk Belanga dan Baju Kurung Cekak Musang. Baju ini sesuai dipakai oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira usia. Baju kurung juga digunakan untuk menghadiri majlis perkahwinan, majlis agama, dan majlis rasmi. Di Malaysia, secara amnya, wanita Melayu memakai baju kurung sebagai pakaian **tradisi**. Pakaian ini juga menjadi pakaian rasmi murid sekolah rendah dan menengah.

Selaras dengan peredaran zaman, pelbagai **busana** rekaan **moden** telah muncul dan diterima oleh masyarakat Melayu. Sungguhpun pada umumnya, kita telah menerima pengaruh moden dalam pakaian harian, namun baju kurung tetap menjadi pilihan kaum wanita untuk digayakan. Walaupun rekaan baju kurung sekarang lebih **kontemporari**, namun rekaan baju ini masih mengekalkan ciri-ciri keasliannya. Selain terdapat perubahan pada potongan dan bentuk, baju kurung juga dihiasi dengan **sulaman**, **kerawang**, manik, atau **labuci**. **Material** untuk menghasilkan baju kurung juga turut berubah. Kini, terdapat pelbagai pilihan material antaranya satin, organza, **sifon**, sutera, batik, linen, dan banyak lagi. Perubahan ini dilakukan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa atau majlis yang hendak dihadiri atau disesuaikan dengan gaya potongan asing yang mungkin bertujuan untuk kelihatan lebih anggun.

Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Baju_kurung

Perkataan	Makna
1. rasmi	
2. tradisi	
3. busana	
4. moden	
5. kontemporari	
6. sulaman	
7. kerawang	
8. labuci	
9. material	
10. sifon	



Praktis Ekstra Tema 5

PBD Kemahiran Membaca SP 2.1.2

Lafazkan pantun di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul serta nada yang sesuai.

Jati Diri Remaja

Mencari ikan di hutan berpaya,
Terjumpa dengan si ular sawa;
Jangan suka mencari bahaya,
Kerana bahaya melibatkan nyawa.

Turun ke sawah hendak membaja,
Padi dimakan pegar betina;
Usia remaja sekejap sahaja,
Gunakan masa dengan bijaksana.

Membeli puding semasa di pekan,
Ibu pula mencari tapai;
Menara gading dicita-citakan,
Antara matlamat yang perlu dicapai.

Memasak rendang malam raya,
Hendak menjamu saudara-mara;
Remaja berusaha sedaya upaya,
Untuk menjadi pemimpin negara.

Sungguh riuh suara penjaja,
Menjual barangan menjelang raya;
Janganlah asyik bermain sahaja,
Berusaha untuk hidup berjaya.

Pulang lewat daripada bekerja,
Banyak perkara perlu diselesaikan;
Cabaran dalam dunia remaja,
Mudah terpengaruh ajakan rakan.


Ibu menyarung cincin suasa,
Di jari manis anak dara;
Membantu orang setiap masa,
Rela berkhidmat demi negara.



Praktis Ekstra Tema 6

PBD Aspek Tatabahasa SP 5.3.1

Tulis satu ayat bagi setiap kata terbitan yang berikut bagi menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

6. _____

7. _____

8. _____

Nama: Kelas: Tarikh:



Praktis Ekstra Tema 7

PBD Aspek Tatabahasa **SP 5.1.4**

Bina ayat yang lengkap berdasarkan kata kerja tak transitif yang diberikan di bawah ini.

1. pulang

2. tidur

3. bernyanyi

4. berbantalkan

5. tinggal

6. menangis

7. melancong

8. bercambah



Praktis Ekstra Tema 8

PBD Kemahiran Membaca SP 2.1.1

Baca iklan di bawah ini dengan intonasi dan nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.

PROMOSI JUALAN NANAS

Nanas atau *ananas comosus* bukan sahaja lazat, tetapi juga mengandungi pelbagai nutrien penting yang baik untuk kesihatan.



Khasiat nanas:

- ✓ Meningkatkan sistem pertahanan badan
- ✓ Melindungi seseorang daripada penyakit kardiovaskular
- ✓ Meningkatkan kekuatan tulang
- ✓ Mengurangkan keradangan
- ✓ Mempercepat proses penyembuhan
- ✓ Membantu penghadaman

Promosi jualan akan diadakan di Pejabat Pertubuhan Peladang Kampung Besar pada 5 hingga 10 Mac 2026.

Jualan nanas dan
benih nanas daripada
pelbagai jenis

Potongan harga
istimewa

Nama:

Kelas:

Tarikh:



Praktis Ekstra Tema 9

PBD Aspek Tatabahasa SP 5.5.1

Tulis frasa berdasarkan pola ayat yang diberikan di bawah ini. Kemudian, bina ayat yang lengkap.

Frasa	Frasa Nama	Frasa Nama
Ayat Lengkap		

Frasa	Frasa Nama	Frasa Kerja
Ayat Lengkap		

Frasa	Frasa Nama	Frasa Adjektif
Ayat Lengkap		

Frasa	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama
Ayat Lengkap		

Tarikh:

**Praktis Ekstra** Tema 10

PBD **Kemahiran Menulis** **SP 3.7.1**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Tulis petikan itu semula.

Semasa cuti sekolah yang lalu, saya menyertai lawatan ke muzium negara yang sekolah saya anjurkan. Mula-mula, kami melawat ke Galeri A, iaitu ruang yang mempamer bahan-bahan sejarah awal. Di sini, kami meneroka proses pembentukan mukabumi dan menghayati cara hidup masyarakat awal. Kami juga melihat pameran artifaks.

Kemudian, kami ke Galeri B, iaitu tempat yang mempamerkan bahan sejarah yang berkaitan dengan kerajaan Melayu-kerajaan Melayu. Kami menelusuri sejarah pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu ke Nusantara. Galeri ini lebih berfokus terhadap kerajaan Melayu Melaka.

Rombongan kami juga masuk ke Galeri C yang memaparkan bahan-bahan era kolonial. Kami dibawa menelusuri peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan kedatangan penjajah. Di galeri ini, kami dapat menimba pengetahuan tentang kesan penjajahan dari sudut politik, sosial, atau ekonomi.

Akhir sekali, kami ke Galeri D. Galeri ini mempamerkan bahan-bahan sejarah tentang Malaysia pada masa ini, termasuk menyingkap sejarah gerakan awal nasionalisma di negara kita. Ruang pameran ini juga memaparkan pencapaian negara kita selepas kemerdekaan hingga kini.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.



Praktis Ekstra Tema 12

PBD Aspek Tatabahasa SP 5.2.1

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti kata ganda yang terdapat dalam petikan tersebut. Bina ayat daripada kata ganda tersebut.

Ratusan peserta telah berkumpul untuk menyertai acara larian anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka. Aku salah seorang daripada ratusan peserta itu. Hatiku berkobar-kobar menanti para peserta dilepaskan. Sasaranku kali ini adalah untuk mendapatkan pingat emas dan hadiah wang tunai sebanyak RM3000 bagi kategori lelaki remaja.

Tepat pukul 8:00 pagi, wisel ditiupkan untuk menandakan pertandingan telah bermula. Berbagai-bagai gelagat dapatku perhatikan di sepanjang lima kilometer laluan larian ini. Aku memerhatikan seorang murid sekolah menengah yang terkial-kial selepas kira-kira 20 minit acara dimulakan kerana kekejangan otot.

Aku mempercepat langkah kerana bimbang dipintas oleh peserta-peserta lain yang sebaya denganku. Tambahan pula, sudah berminggu-minggu aku berlatih untuk memenangi acara ini. Hati kecilku berbisik "aku mesti menang kali ini".

Di sepanjang laluan di Dataran Klebang, para penonton memberikan tepukan yang gemuruh kepada para peserta yang lalu di hadapan mereka. Mereka terdiri daripada ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai, dan orang awam yang ingin memberikan perangsang kepada para peserta.

Jarak larian tinggal kira-kira setengah kilometer lagi. Tanpa mengambil pusing tentang keadaan di sekeliling, aku memecut untuk merealisasikan impianku kali ini. Dalam benakku terbayang peserta-peserta lain yang jauh ketinggalan di belakang. Aku harus memecut lagi. Jika tidak, kemungkinan besar aku akan dipintas oleh peserta-peserta yang lain. Penat dan letih mesti aku ketepikan.

"Cepat! Cepat!" Habis sahaja teriakan perangsang daripada para penonton, dadaku telah melanggar pita penamat. Pingat emas itu telah sah milikku. Aku merebahkan badanku ke tanah sambil mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana aku telah berjaya mendapat pingat emas dalam Larian Melaka Bandaraya Bersejarah Kali Ke-15.

**Praktis Ekstra** Tema 13

PBD **Kemahiran Menulis** **SP 3.4.3**

Berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah ini, tulis perenggan isi dan perenggan kesimpulan bagi karangan yang bertajuk “Ciri-ciri Usahawan yang Berjaya”.

Isi 1:

tidak mudah berputus asa – masalah yang sering timbul semasa memulakan perniagaan ialah modal, pelanggan, dan persaingan yang sedia ada – janganlah mudah berputus asa atau patah semangat – persiapkan diri untuk membuka mata, telinga, serta pemikiran – dapat melihat peluang lain yang mungkin akan timbul

Isi 2:

bijak menyelesaikan masalah – masalah dengan pembekal, pelanggan, keuntungan, kerugian, dan sebagainya
– perniagaan merupakan pekerjaan yang menggunakan wang yang sangat banyak dan berisiko untuk gagal
jika tidak bijak mengambil peluang – tenang dan memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah dengan
bijaknya dan bukan dengan berputus asa

Isi 3:

berpandangan jauh – dapat menjangka perkara yang akan berlaku pada masa akan datang – menjadi seorang usahawan yang berjaya, perlu memiliki sifat berpandangan jauh – usahawan yang berpandangan jauh pandai merancang, menganalisis, dan mempunyai sikap merebut peluang yang ada di depan mata

Kesimpulan:

usahawan yang berjaya memiliki banyak ciri positif dalam diri – seseorang yang ingin menjadi usahawan yang berjaya – melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang dunia keusahawanan – berjaya pada masa hadapan

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.



Praktis Ekstra Tema 14

PBD Aspek Tatabahasa SP 5.1.1

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti dan kelaskan kata nama am dan kata nama khas yang terdapat dalam petikan tersebut.

Pada Mei 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengiktiraf Kelab Doktor Muda sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah rendah. Objektif penubuhan Kelab Doktor Muda adalah untuk mendedahkan kemahiran asas kesihatan kepada setiap ahli.

Kriteria calon Kelab Doktor Muda ialah murid yang sihat, kemas, mempunyai personaliti yang menarik, memiliki sifat kepimpinan, bertanggungjawab, berpengaruh, suka menolong, dan cemerlang dalam akademik.

Bagi melahirkan warga sekolah yang sihat dan sejahtera, ahli Kelab Doktor Muda diberikan tanggungjawab untuk melakukan aktiviti pemeriksaan kesihatan. Contohnya, merawat kecederaan ringan, menimbang berat badan, memeriksa kuku, demonstrasi cara-cara menggosok gigi, dan mengadakan pameran kesihatan. Mereka juga diberikan kebenaran untuk menjalankan ujian Indeks Jisim Badan terhadap rakan-rakan.

Selain itu, Kelab Doktor Muda terlibat dalam program kesihatan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Antaranya, Kempen Cara Hidup Sihat, Kempen Amalan Berjalan 10 000 Langkah, Kempen Amalan Memakan Buah-buahan dan Sayur-sayuran, Kempen Pengurangan Gula dalam Makanan dan Minuman, Kempen Mencegah Obesiti dan Diabetes, Kempen Sihat Sepanjang Hayat, Kempen Menangani Stres dengan Baiknya, Kempen Katakan Tak Nak pada Rokok, Kempen Sihat Tanpa Alkohol, dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengiktiraf usaha-usaha berterusan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengaktifkan Kelab Doktor Muda di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara sebagai pemangkin untuk melahirkan generasi baharu yang sihat dan cergas.

Kata Nama Am	Kata Nama Khas



Praktis Ekstra Tema 15

PBD Kemahiran Membaca SP 2.1.1

Baca petikan di bawah ini dengan sebutan yang betul.

Bahasa merupakan wadah untuk berkomunikasi dengan orang lain. Bahasa juga menjadi alat penyebaran ilmu dan maklumat. Dalam mendepani era globalisasi ini, kemampuan menguasai pelbagai bahasa merupakan suatu kelebihan kepada seseorang.

Seseorang akan lebih berkeyakinan untuk bersemuka dengan sesiapa sahaja apabila menguasai banyak bahasa. Sebagai contoh, dengan menguasai bahasa Inggeris, seseorang dapat memberitahu pelancong tentang tempat-tempat menarik yang terdapat di negara kita. Hal ini bukan sahaja membuatkan para pelancong berasa lebih dihargai malah tertarik untuk berkunjung ke negara kita lagi.

Negara kita mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Setiap kaum mempunyai bahasa ibunda tersendiri. Dengan menguasai pelbagai bahasa, kita mudah untuk berkomunikasi dengan kaum lain selain dapat mengeratkan hubungan kaum. Komunikasi akan lebih berkesan untuk bertukar fikiran serta maklumat antara satu sama lain.

Selain itu, penguasaan lebih daripada satu bahasa memudahkan kita memperoleh ilmu pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana semua ilmu pengetahuan di dunia ini ditulis dalam pelbagai bahasa, khususnya bahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama dunia.

Akhir sekali, penguasaan lebih daripada satu bahasa memudahkan seseorang memperoleh peluang pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pekerja yang mahir bertutur dalam pelbagai bahasa dianggap mempunyai kelebihan kerana mampu berkomunikasi dengan pelbagai pihak.

Kesimpulannya, penguasaan lebih daripada satu bahasa amat penting kepada seseorang bagi memperkasakan modal insan. Semua individu khususnya golongan murid perlulah merebut peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan kerana kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa akan memberikan nilai tambah.



Praktis Ekstra Tema 16

PBD Aspek Seni Bahasa SP 4.1.2

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Pantun Kanak-kanak

Jangan gergaji pokok talas,
Nanti lesung dimakan pahat;
Jangan menjadi orang malas,
Perut kosong badan tak sihat.

Terang bulan di malam sepi,
Cahaya memancar ke pokok kelapa;
Hidup di dunia buatlah bakti,
Kepada saudara ibu dan bapa.

Bintang tujuh sinar berseri,
Bulan purnama datang menerpa;
Ajaran guru hendaklah dicari,
Apa yang dapat jangan dilupa.

(Dipetik daripada antologi *Sehijau Daun*,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bahan 2

Kita Umpama Sehelai Daun

kita umpama sehelai daun
bertunas segar di hujung ranting
lalu melebar dan merimbun
tempat bercanda unggas meriang
di bawah redup bebayang mentari

kita umpama sehelai daun
bakal kering sampai waktunya
usahlah angkuh keupayaan diri
sehingga lupa makhluk duafa
ingin bernaung mencari hidup

andai kikir jasa dan bakti
di mana lagi tempat bernaung
dari tusukan bahang memijar
unggass kecil tidak berkudrat

jadilah sehelai daun
hijau menunas menyegar mata
kering gugur menjadi baja

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan pengajaran yang terdapat dalam rangkap terakhir.

2. Pada pendapat anda, mengapakan negara memerlukan rakyat yang berkualiti?



Praktis Ekstra Tema 17

PBD Aspek Tatabahasa SP 5.6.1

Analisis kesalahan ayat yang terdapat dalam petikan di bawah ini. Kemudian, betulkan kesalahan ayat tersebut.

Segelintir orang menganggap kerjaya sebagai jururawat antara kerjaya biasa. Oleh sebab itu, ada yang tidak menghargai mereka sehinggalah seorang daripada orang yang disayangi terlantar di hospital. Mereka mula menyedari keistimewaan jururawat apabila melihat rawatan dan penjagaan rapi yang diberikan oleh jururawat terhadap orang yang mereka sayangi itu.

Mungkin ada yang berkata, jururawat sememangnya bertanggungjawab untuk merawat pesakit dan mereka dibayar untuk melakukan tugas tersebut sedangkan realitinya, tidak semua orang sanggup bergelumang dengan nanah dan darah tiap hari. Mereka yang bergelar jururawat rela mengetepikan semua itu. Mereka tidak mengejar ganjaran gaji semata-mata, malahan mengutamakan khidmat bakti pada masyarakat, terutama pesakit yang menderitai berbagai penyakit yang memerlukan perhatian dan penjagaan rapi.

Kerjaya sebagai jururawat memerlukan pengorbanan yang begitu tinggi. Selain memberikan layanan yang baik sehingga pesakit benar-benar sembuh, mereka juga menghadapi pelbagai ragam dan kerenah pesakit pada setiap hari bekerja. Cabaran ini perlu ditangani di samping berperanan untuk menangani kecemasan dalam semua keadaan yang membahayakan nyawa pesakit.

Tegasnya, peranan jururawat bukan sekadar membantu doktor, bahkan juga perlu melaksanakan kelancaran tugas merawat dan menjalankan prosedur klinikal dengan penuh profesional.

Nama: Kelas: Tarikh:



Praktis Ekstra Tema 18

PBD Kemahiran Menulis SP 3.4.1

Tulis kerangka penulisan yang lengkap berdasarkan tajuk “Kesan-kesan Amalan Rasuah”.

Pendahuluan:

Isi perenggan 1:

Isi perenggan 2:

Isi perenggan 3:

Isi perenggan 4:

Kesimpulan:



Praktis Ekstra Sistem Bahasa

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- _____ itu diundang khas untuk merasmikan pertandingan permainan tradisional.
 A Dermawan
 B Usahawan
 C Karyawan
 D Budayawan
- "_____, saya tidak bersetuju dengan pendapat Azli yang tidak masuk akal itu!" bentak Akif.
 A Eh
 B Ah
 C Amboi
 D Aduhai

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Sebelum menyeterika baju, Suraya _____ air ke atas baju tersebut supaya mudah dilicinkan.
 A menyiram
 B melulurkan
 C merenjiskan
 D menyapukan
- "Marilah kita berbual-bual dan berteduh di bawah pokok yang _____ itu," kata Mak Limah kepada Kak Timah.
 A rendang
 B renek
 C bantut
 D muda

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu ditandakan dengan **A, B, atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- Semenjak ayahnya terlantar oleh kerana sakit buah pinggang, kehidupan keluarga Haizum sering dirundung malang. Tiada kesalahan.
 A B
 C D
- Jurujual itu beralah setelah pujukannya agar saya membeli alat tulis-alat tulis itu gagal. Tiada kesalahan.
 A B
 C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Fikiran Haikal *melayang* jauh kerana terkenang akan kisah lampainya di Tokyo.
 II Akibat kecuaiannya seorang pemandu lori, dua nyawa *melayang* dalam kemalangan ngeri itu.
 III Beberapa kali pesawat ringan itu *melayang* rendah di kawasan bendang.
 IV Ayam sudah berkokok, barulah matanya *melayang* hendak tidur.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- I Perahu nelayan itu *terumbang-ambing* akibat dilambung ombak.
 II Pelajarannya *terumbang-ambing* semenjak ibu bapanya meninggal akibat dijangkiti wabak COVID-19.
 III Gadis itu berjalan *terumbang-ambing* di atas jejantas.
 IV Penyanyi itu *terumbang-ambing* menjawab soalan para peminatnya dalam bahasa Inggeris.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

9. Haikal dan abangnya saling salah-menyalahkan antara satu sama lain atas perkara yang berlaku itu.
A saling salah
B saling menyalahkan
C saling salah-bersalahan
D saling salah-menyalahkan
10. Cadangan itu akan dibincangkan dengan mendalam sebelum dilulusi oleh pihak atasan.
A mendalam sebelum diluluskan
B mendalamkan sebelum diluluskan
C mendalami sebelum dilulusi
D mendalam sebelum dilulusi

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

11. I Tiap hari, Khalis menolong ayahnya menjual ikan di pasar.
II Ada di antara buah manggis yang dijual oleh penjaja itu masih muda.
III Kami diberi masa selama seminggu untuk mengosongkan rumah ini.
IV Guru disiplin akan mengumumkan pelantikan pengawas baharu dalam perhimpunan pagi pada hari ini.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

12. I Semalaman Haikal sakit perut oleh sebab makan enam ulas nangka.
II Hitam merupakan warna kegemaran abang sulung Fazliana.
III Mengapakah kamu berdiam diri sahaja bila ditanya tentang keputusan peperiksaan pertengahan tahun?
IV Cikgu Normaliza bertanya tentang kesihatan Hafizuddin kerana dia telah seminggu tidak datang ke sekolah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

13. Jalan ke Cameron Highlands bengkok-bengkok. Semua pemandu yang melalui kawasan itu terpaksa memperlahankan pemanduan. Jalan di situ diibaratkan
A seperti ular kena palu.
B seperti anjing dengan kucing.
C seperti sirih pulang ke gagang.
D seperti katak di bawah tempurung.



Praktis Ekstra Peribahasa

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

1. Azlan dan Azmir merupakan adik-beradik kembar, tetapi sikap dan perangai mereka amat berbeza. Hal ini diibaratkan
 - A seperti kera sumbang.
 - B seperti langit dengan bumi.
 - C seperti ayam dimakan tungau.
 - D seperti katak di bawah tempurung.
2. Farisha kelihatan amat cantik ketika menghadiri majlis itu walaupun dia dikelilingi oleh rakan-rakan yang cantik. Keadaan Farisha dikatakan
 - A bagai isi dengan kuku.
 - B bagai cacing kepanasan.
 - C bagai bulan dipagar bintang.
 - D bagai embun dihujung rumput.
3. Azli gemar bertanya kepada Cikgu Roslan apabila dia tidak memahami penerangan yang diberikan oleh gurunya itu kerana baginya
 - A berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.
 - B sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
 - C tenang-tenang air di sungai, jangan disangka tiada buaya.
 - D malu bertanya sesat jalan, malu berdayung perahu hanyut.
4. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan amalan bermuafakat dan saling membantu, **kecuali**
 - A bagai aur dengan tebing.
 - B bagai menatang minyak yang penuh.
 - C bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
 - D berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
5. Penduduk negara jiran amat gemar mencari peluang pekerjaan di negara kita kerana kestabilan dan kemakmuran negara kita. Peribahasa yang sesuai bagi situasi ini ialah
 - A ada gula ada semut.
 - B jauh di mata dekat di hati.
 - C sebelum nasi menjadi bubur.
 - D kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
6. Pengawas yang menjadi saksi dalam kes buli tersebut tidak menyebelahi mana-mana pihak. Peribahasa yang sesuai bagi menerangkan situasi ini ialah
 - A atas angin.
 - B atas pagar.
 - C cahaya mata.
 - D bau-bau bacang.
7. Azwan memberikan pelbagai alasan untuk menolak ajakan Hakimi bagi menyertai kegiatan gotong-royong di tempat tinggal mereka. Keadaan ini dikatakan
 - A biar putih tulang, jangan putih mata.
 - B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
 - C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - D sependai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.
8. Peribahasa yang berikut tidak berkaitan dengan masalah yang dihadapi akibat terlalu mempercayai seseorang, **kecuali**
 - A seperti membuang garam ke laut.
 - B harapkan pagar, pagar makan padi.
 - C harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.
 - D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
9. Hafizi dihadiahkan sebuah basikal oleh ibu bapanya seperti yang dijanjikan setelah dia memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini diibaratkan
 - A kecil tapak tangan nyiru ditadahkan.
 - B berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
 - C hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga.
 - D kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya.
10. Berbelanja mengikut kemampuan sendiri dapat mengelakkan seseorang itu daripada amalan berhutang. Keadaan ini diumpamakan seperti peribahasa
 - A alah bisa tegal biasa.
 - B ukur baju di badan sendiri.
 - C berjimat cermat amalan mulia.
 - D sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.



Praktis Ekstra Prosa Tradisional

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Maka diambilnya padi yang dijemur itu segenggam, lalu disembunyikannya butir-butir padi itu di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Setelah itu ia pun meminta izin dengan baik-baik untuk pulang ke kampungnya, ke bumi tempat saudaranya yang tetap menantinkannya.

Maka berkatalah induk semangnya, orang kayangan yang masih juga mencurigainya itu, "Baiklah, jikalau kamu ingin pulang ke kampung kamu, akan tetapi, sebelumnya itu saya akan memeriksa dan menggeledah kamu lebih dahulu. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa sebagai oleh-oleh ke bumi."

Anak yatim piatu itu pun menjawab dengan tenang. "Silakan! Periksalah dengan teliti kalau-kalau ada apa-apa yang saya bawa. Sekarang saya sudah betul-betul jera mengambil apa-apa. Saya sungguh-sungguh sudah bertaubat dan tidak mahu lagi melakukannya."

Kemudian induk semangnya berkata, "Jikalau benar demikian katamu, maka jelaslah bagi kami dan percayalah kami bahawa kamu betul-betul tidak akan mencuri padi kami lagi."

Setelah induk semangnya berkata demikian, maka anak yatim piatu itu pun berangkatlah meninggalkan kayangan. Orang kayangan itu tidak mengetahui sama sekali bahawa anak yatim piatu yang kecil itu ada menyembunyikan padi di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Akhirnya sampai jugalah anak yatim piatu itu dengan selamat di kampungnya. Maka ia pun dengan segera membuat ladang. Setelah selesai, ditanamnya padi yang dicurinya itu di ladangnya.

Ketika padi anak yatim piatu itu tumbuh di bumi dan memberikan hasil yang menyenangkan, maka sebaiknya padi di atas kayangan tidak mahu menjadi lagi. Rupanya daya hidup padi di kayangan sudah hilang sama sekali, sejak anak yatim piatu itu berhasil mencuri dan menanamnya di bumi.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Asal Padi", antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1. Di manakah anak yatim piatu itu menyembunyikan butir-butir padi?

- A Di dalam mulutnya
- B Di dalam genggamannya
- C Di dalam lubang-lubang luka pada lututnya
- D Di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya

2. Bagaimanakah anak yatim piatu meyakinkan orang kayangan bahawa dia tidak membawa butir-butir padi semasa hendak pulang ke bumi?

- A Anak yatim piatu tidak membenarkan induk semang memeriksa dirinya
- B Anak yatim piatu meminta induk semang memeriksa dirinya dengan telitinya
- C Anak yatim piatu merayu kepada induk semang supaya tidak memeriksa dirinya
- D Anak yatim piatu menyatakan bahawa dia sudah serik untuk mencuri padi dan meminta induk semang tidak memeriksa dirinya

3. Apakah nilai yang terdapat dalam petikan prosa tradisional?

- A Amanah

B Berdikari

C Patriotisme

D Kebijaksanaan

4. Apakah teknik penceritaan bagi perenggan kedua dan ketiga petikan prosa tradisional tersebut?

A Dialog

B Saspens

C Monolog

D Pemerian

5. Kemudian induk semangnya berkata, "Jikalau benar demikian katamu, maka jelaslah bagi kami dan percayalah kami bahawa kamu betul-betul tidak akan mencuri padi kami lagi."

Apakah teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam perenggan di atas?

A Dialog

B Saspens

C Monolog

D Pemerian



Praktis Ekstra

Cerpen

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

“Lim Meng pernah mengadu kepada aku, orang kampung semuanya kompelin. Kau naikkan harga barang sesuka hati. Kau sorokkan barang-barang sesuka hati. Apabila orang kampung datang nak beli, kau cakap gula dah habis. Padahal kau sorokkan barang-barang itu di dalam stor dekat belakang kedai tapi pada suatu masa pula, kau keluarkan dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Kau kaut untung daripada orang kampung, sampaikan orang kampung terpaksa berhutang dengan kau. Hutang itu pula kau kenakan bunga. Kau memang tak *berhati perut* kerana itulah perniagaan kau lingkup. Apabila orang kampung dah tak percaya akan kau dan perniagaan kau mula tak laku, kau salahkan kelahiran Lim Meng kerana Lim Meng lahirlah perniagaan kau rosak. Tak ada onglah. Macam-macam lagi kau tuduh. Lim Meng tak bersalah. Yang salahnya diri kau sendiri.”

Lim Pooi seolah-olah menelan sebutir-sebutir kata yang dimuntahkan dari mulut Sim Pau. Dia langsung tidak baran lagi. Ada riak sedar pada wajahnya. Lim Pooi tampak tidak keruan. Dia mula bangun dari kerusi malas dan menuju ke arah jendela nako yang terbuka luas. Malam itu tenang. Cahaya bulan samar di langit.

“Lim Foong meninggal dunia juga bukan sebab Lim Meng. Lim Foong meninggal dunia kerana dia lemas. Dia lemas bukan kerana nak selamatkan Lim Meng tapi cuba nak bersembunyi daripada orang yang mengejarnya, yang memintanya membayar hutang kalah judi.” Lim Pooi tersentak, seakan-akan tidak percaya dengan omongan Sim Pau. Tak mungkin Lim Foong berjudi. Tak mungkin. Batinnya menjerit.

(Dipetik daripada cerpen “Kuih Bakul Limau Mandarin” antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Apakah maksud simpulan bahasa *berhati perut*?
 - A Bersikap jujur
 - B Bertimbang rasa
 - C Berburuk sangka
 - D Bersikap baik hati
2. Antara yang berikut, yang manakah pengajaran yang terdapat dalam petikan?
 - A Kita hendaklah menghargai jasa ibu bapa.
 - B Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain.
 - C Kita mestilah bersikap amanah dan jujur dalam perniagaan.
 - D Kita hendaklah membantu insan yang memerlukan pertolongan.
3. Yang berikut merupakan sebab-sebab Lim Pooi membenci Lim Meng, **kecuali**
 - A Lim Meng anak yang gemar berjudi.
 - B perniagaannya lingkup kerana Lim Meng.
 - C Lim Meng anak yang tidak membawa untung.
 - D anak sulungnya, Lim Foong meninggal dunia disebabkan oleh Lim Meng.
4. Apakah teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam perenggan kedua petikan cerpen?
 - A Dialog
 - B Saspens
 - C Pemerian
 - D Monolog dalaman
5. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen?
 - A Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita.
 - B Kita hendaklah memberikan kemaafan kepada orang lain.
 - C Kita hendaklah insaf akan kesalahan yang telah kita lakukan.
 - D Kita mestilah membalas jasa ibu bapa yang telah membesarkan kita.



Praktis Ekstra

Drama

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

HAYATI: Adakah peluang Yati untuk meneruskan pelajaran di sekolah itu, tuk?

PAK MAIL: Tuk akan ikhtiarkan, Yati. Pada pagi tadi tuk sudah berjumpa dengan Datuk Penghulu. Tuk terangkan masalah kita.

HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.

PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.

FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.

HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?

FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.

ARAHAN: (HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.)

PAK MAIL: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

FAUZIAH: (Sedih) Entahlah, ayah. Saya ... saya tidak tahu apa nak buat lagi.

PAK MAIL: Kematian Akhbar menyebabkan engkau kehilangan suami. Aku kehilangan menantu. Hayati dan Farid pula kehilangan bapa. Akhbar tidak sempat melihat anaknya yang bongsu, Farid tetapi kita harus berbangga kerana kematiannya itu sebagai seorang pahlawan. Sekarang, kita haruslah berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkannya.

(Dipetik daripada drama "Hadiah" antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- Apakah masalah yang dihadapi oleh keluarga Hayati?
 - Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh Hayati
 - Masalah kewangan dan kehilangan insan tersayang
 - Masalah kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan
 - Masalah anak yang terjebak dalam gejala sosial
- Apakah watak dan perwatakan bapa Hayati berdasarkan petikan?
 - Tegas terhadap anak-anaknya
 - Anak kandung Pak Mail
 - Mempunyai seorang anak sahaja
 - Meninggal dunia semasa bertugas sebagai tentera
- Pihak sekolah wajar membantu Hayati dalam hal-hal yang berikut, **kecuali**
 - memberikan bantuan kewangan kepada Hayati.
 - meminta Hayati berulang-alik dari rumah ke sekolah setiap hari.
 - memberikan kemudahan asrama secara percuma kepada murid yang tidak berkemampuan seperti Hayati.
 - memberikan sokongan moral kepada Hayati selain mengambil tahu masalah yang dihadapi olehnya.
- Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan drama di atas?
 - Hayati tidak dapat meneruskan persekolahannya di sekolah itu lagi.
 - Hayati pulang dari asrama kerana mahu menziarahi pusara ayahnya.
 - Pak Mail berjumpa dengan Tuk Penghulu bagi mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh keluarganya.
 - Guru Besar berjanji akan memberikan bantuan kewangan kepada Hayati sekeluarga.
- Apakah nilai yang terdapat dalam petikan drama di atas?
 - Keadilan
 - Kerjasama
 - Patriotisme
 - Keprihatinan



Praktis Ekstra

Pantun

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Emas, perak, tembaga dan suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

(Dipetik daripada, antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Yang berikut ialah nasihat yang terdapat dalam pantun tersebut, **kecuali**
 - A orang yang malas berusaha pasti akan menghadapi kegagalan.
 - B orang yang rajin menuntut ilmu pasti akan berjaya dalam hidup.
 - C orang yang asyik berselimut akan menjadi orang yang kuat tidur.
 - D setiap orang yang mempunyai kekurangan pasti ada juga kelebihan.
2. Baris pantun *orang selimut selalu lelap* dalam rangkap kedua pantun bermaksud
 - A seseorang perlu tidur demi kebaikan diri.
 - B orang yang asyik tidur malas untuk melakukan pekerjaan.
 - C tidur akan mengehadkan pergerakan untuk mencapai kejayaan.
 - D orang yang asyik berselimut akan menjadi orang yang kuat tidur.
3.

Buah sintang buah senikul,

Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam baris pantun di atas?

 - A Epifora
 - B Anafora
 - C Repetisi
 - D Responsi
4. Pernyataan yang berikut **benar** tentang bentuk pantun, **kecuali**
 - A mempunyai lima rangkap.
 - B terdiri daripada tiga hingga lima patah kata dalam setiap baris.
 - C terdiri daripada lapan hingga dua belas suku kata dalam setiap baris.
 - D setiap rangkap mempunyai dua baris.
5. Yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam pantun tersebut, **kecuali**
 - A kita hendaklah menuntut ilmu untuk kejayaan pada masa hadapan.
 - B kita hendaklah menghindari sifat malas supaya memperoleh kejayaan.
 - C kita mestilah mengelakkan tabiat banyak tidur supaya sentiasa cergas dan produktif.
 - D kita janganlah berasa kecewa akan kekurangan diri kerana kekurangan itu ada hikmahnya.



Praktis Ekstra

Sajak

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Kita Umpama Sehelai Daun

*kita umpama sehelai daun
bertunas segar di hujung ranting
lalu melebar dan merimbun
tempat bercanda unggas meriang
di bawah redup bebayang mentari*

*andai kikir jasa dan bakti
di mana lagi tempat bernaung
dari tusukan bahang memijar
unggas kecil tidak berkudrat*

*kita umpama sehelai daun
bakal kering sampai waktunya
usahlah angkuh keupayaan diri
sehingga lupa makhluk duaafa
ingin bernaung mencari hidup*

*jadilah sehelai daun
hijau menunas menyegar mata
kering gugur menjadi baja*

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Berdasarkan rangkap ketiga sajak, apakah sikap yang dilarang untuk diamalkan?

- A Malas
- B Tamak
- C Kedekut
- D Sombong

2. *kita umpama sehelai daun*

Unsur gaya bahasa yang digunakan dalam baris sajak di atas ialah

- A sinkope.
- B inversi.
- C simile.
- D metafora.

3. Yang berikut merupakan nilai murni yang terdapat dalam sajak, **kecuali**

- A nilai keadilan.
- B nilai hemah tinggi.
- C nilai keprihatinan.
- D nilai kesederhanaan.

4. Apakah tema sajak Kita Umpama Sehelai Daun?

- A Sentiasa memberikan sumbangan kepada masyarakat
- B Mengamalkan sikap yang baik dalam kehidupan
- C Sering bersikap sederhana dalam kehidupan harian
- D Sikap mementingkan diri akan menyusahkan orang lain

5. Apakah nasihat penyajak kepada kita semua?

- A Kita hendaklah tabah dalam menempuh dugaan hidup.
- B Kita hendaklah rajin berusaha untuk mencapai kejayaan.
- C Kita perlulah bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang kita hadapi.
- D Kita mestilah bersikap baik hati dan sentiasa menolong orang yang dalam kesusahan.



Praktis Ekstra Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

BAHAN 1

Sejak beberapa peristiwa kekalahan skuad bola sepak kebangsaan dan jagoan badminton negara dalam beberapa siri perlawanan antarabangsa, situasi ini seolah-olah mengesahkan kenyataan bahawa mutu sukan Malaysia semakin merudum. Kemerosotan pencapaian atlet-atlet negara ketika bertanding sama ada pada peringkat serantau mahupun antarabangsa telah menimbulkan pelbagai tanggapan negatif dalam kalangan peminat sukan di negara ini. Adakah atlet-atlet kita hanya gah ketika bertanding sesama sendiri sehingga mewajarkan gelaran jaguh kampung atau atlet kita kurang bermotivasi apabila bersaing pada peringkat antarabangsa?

Antara alasan utama yang menyebabkan mutu sukan negara kita merosot ialah para pemain kurang memiliki semangat cinta akan negara. Selain itu, negara ini juga kekurangan kemudahan sukan berbanding dengan negara-negara yang maju industri dalam sukan. Negara kita tidak banyak membina kawasan sukan seperti gelanggang tenis, badminton, bola keranjang, dan stadium bola sepak yang juga dapat digunakan untuk menganjurkan kejohanan bertaraf dunia.

BAHAN 2

Ratu skuasy negara, Datuk Nicol David terus merangkul kejayaan dengan memenangi Anugerah Semangat Skuasy bagi pemain wanita sejurus menjuarai Kejohanan Akhir Skuasy Siri Dunia PSA 2015/16 di Dubai pada Ahad lepas. Anugerah itu diberikan kepada pemain yang menunjukkan contoh semangat kesukanan, kesetiakawanan, dan permainan bersih. Sementara itu, pemain nombor tiga dunia dari Mesir, Raneem El Weleily dipilih sebagai naib johan bagi anugerah tersebut.

Dalam majlis yang sama, Mesir selaku kuasa skuasy dunia, mengungguli anugerah berkenaan apabila memenangi sembilan daripada sepuluh anugerah yang dipertandingkan. Pemain nombor satu wanita dunia dari negara tersebut, Nour El Sherbini menerima Anugerah Pemain Wanita Tahunan Terbaik.

1. Berdasarkan Bahan 1, apakah faktor yang menyebabkan mutu sukan negara kita merosot?

2. Berikan **dua** nilai yang terdapat dalam Bahan 2.

3. Langkah-langkah yang sesuai patut diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan di Malaysia. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah tersebut?

Tarikh:



Praktis Ekstra

Novel

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.*

Pengajaran sering dipaparkan oleh penulis sesebuah novel supaya dapat diteladani oleh pembaca. Pengajaran disampaikan dalam pelbagai cara termasuklah menerusi watak sampingan.

NOVEL	WATAK SAMPINGAN
Pelari Muda	• Saridah • Encik Kadir
Destinasi Impian	• Azlina • Johari
Formula Termodinamik	• Usamah • Asma
Sejambak Bakti	• Ramlah • Mak Sopiah

Berdasarkan novel yang anda kaji, kemukakan **satu pengajaran** yang dapat dikaitkan dengan setiap watak sampingan yang telah ditetapkan berserta contoh peristiwa yang sesuai.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Nama:

Kelas:

Tarikh:



Praktis Ekstra

Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **pengangkutan awam di Malaysia**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Dalam kesibukan negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, pelbagai aspek terus diberi perhatian serius oleh kerajaan bagi menyokong sektor pembangunan agar seimbang dengan keperluan masyarakat setempat dan alam sekitar.

Tidak ketinggalan dalam aspek kemudahan pengangkutan awam, pendekatan penggunaan teknologi hijau yang telah digunakan di kebanyakan negara maju dilihat mampu dijadikan contoh bagi Malaysia untuk menjayakan hasrat tersebut. Pengangkutan awam seperti bas yang dijanakan sepenuhnya dengan kuasa elektrik antara contoh kemudahan yang berpotensi untuk dilaksanakan di negara ini dalam masa terdekat, malahan berupaya untuk dijadikan pengangkutan awam pada masa hadapan. Penggunaan bas elektrik sebagai pengangkutan awam turut dilihat mampu membantu negara mencapai sasaran pengurangan penghasilan karbon dioksida dan sekali gus mengurangkan kadar pencemaran udara.

Menyedari kepentingan itu, Panorama Melaka Sdn. Bhd. (Panorama) bersama syarikat AMDAC (M) Sdn. Bhd. membawa teknologi bas elektrik dari China ke Malaysia dalam usaha merealisasikan amalan teknologi hijau secara lebih meluas. Tambahan lagi, kesan positif yang dihasilkan melalui penggunaannya termasuklah tiada pencemaran udara dan membantu untuk mengekalkan keadaan alam sekitar yang bersih. Hal ini menjadikan kenderaan ini sebagai pilihan ideal untuk negara ini. Dari segi keselesaan pula, penggunaan bas ini jauh lebih selesa, bersih, dan lebih senyap berbanding dengan bas biasa yang menggunakan enjin diesel.

Lebih menarik, sistem suspensi hidraulik pada bas ini membolehkan kenderaan ini disengetkan dan disertakan laluan tambahan bagi memudahkan penumpang golongan kurang upaya membawa kerusi roda mereka naik ke dalam bas dengan lebih mudah. Dari aspek keselamatan pula, bas yang mampu mencapai had kelajuan sehingga 250 kilometer sejam ini telah dihadkan kelajuannya kepada 70 kilometer sejam bagi menjamin keselamatan penumpang dan disesuaikan dengan penggunaannya di kawasan bandar.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana dalam *Utusan Malaysia*,
10 Januari 2014)

Nama: Kelas: Tarikh:



Praktis Ekstra *Karangan Respons Terhadap*

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



Masalah keluarga



Tekanan hidup



Faktor persekitaran

Nama: Kelas: Tarikh:



Praktis Ekstra **Karangan Respons Terbuka**

Baca soalan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, **pilih satu daripada tiga soalan** yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.

1. Anda berhasrat untuk menyertai pertandingan syarahan bersempena dengan Kempen Bulan Bahasa peringkat daerah. Tajuk syarahan itu ialah "Usaha-usaha Memartabatkan Bahasa Melayu".
Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.
2. Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" amat sesuai untuk melambangkan kepentingan sesuatu bahasa bagi semua bangsa di Malaysia.
Huraikan pendapat anda tentang kepentingan bahasa Melayu kepada pembangunan bangsa dan negara.
3. Bahasa Melayu kini dianggap tidak begitu relevan dengan kemodenan negara.
Huraikan sebab-sebab bahasa Melayu semakin terpinggir dalam kalangan masyarakat.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.